

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 MAC 2016 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Peralihan angin monsun punca hujan dan ribut petir	BERNAMA
2.	Suhu panas membahang	Harian Metro
3.	Pekebun pisang rugi tanaman layu	Berita Harian



Peralihan Angin Monsun Punca Hujan Dan Ribut Petir

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Hujan dan ribut petir yang berlaku di beberapa kawasan ketika negara sedang menghadapi cuaca panas sekarang adalah disebabkan peralihan angin monsun timur laut dan barat daya.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Madya Dr Ramzah Dambul berkata keadaan itu berlaku kerana pusat pertemuan angin di Khatulistiwa yang dikenali sebagai 'intertropical convergent zone' telah membentuk awan dan menghasilkan hujan serta ribut petir.

"Memang fenomena El Nino dan cuaca kering dijangka berlaku sehingga Jun ini. Tetapi sekarang berlaku peralihan angin monsun timur laut berganti kepada angin monsun barat daya yang biasanya dicirikan oleh keadaan udara yang tidak stabil.

"Pada masa itu angin monsun timur laut dan barat daya mula hendak beralih seperti wujudnya pertembungan dua angin dan kedudukan Malaysia di tengah-tengah berhampiran garisan khatulistiwa turut mengalami hujan serta ribut petir," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata peralihan angin monsun melibatkan semua kawasan yang dijangka berlaku antara tiga hingga empat minggu sehingga proses transisi berakhir.

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wira Wan Mohd Nor Ibrahim berkata pihaknya sentiasa bersedia sedia menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya kejadian tidak diingini dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ini.

"Kami bergantung kepada maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Meteorologi dan sentiasa bersedia sedia untuk memberi bantuan dari segi tenaga kerja dan peralatan mengikut keadaan dan keperluan.

"Terdapat beberapa kawasan yang mengalami kejadian pokok tumbang akibat ribut petir dan masih juga berlaku kebakaran hutan akibat cuaca kering seperti di Selangor," katanya.

Beliau menasihati orang ramai agar lebih berwaspada dalam pemanduan serta mengelak daripada menghentikan kenderaan di bawah pokok ketika berlakunya hujan lebat dan ribut petir.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 26 MAC 2016 (SABTU)**

Suhu panas membahang

Kuala Lumpur: Bahang panas fenomena El Nino semakin dirasai di Pahang apabila dua kawasan di negeri itu merekodkan bacaan suhu tertinggi, petang semalam.

Dua kawasan berkenaan iaitu Temerloh dan Batu Embun, Jerantut, masing-masing mencatatkan bacaan suhu maksimum 38.4 darjah Celsius berbanding negeri utara Semenanjung.

Menurut data Jabatan Me-

teorologi Malaysia (MetMalaysia), dua kawasan itu turut mendahului Chuping, Perlis yang sebelum ini dianggap lokasi paling panas di Semenanjung Malaysia.

Setakat jam 2 petang semalam, Chuping merekodkan suhu maksimum 38.1 darjah Celsius iaitu meningkat berbanding 36.6 darjah Celsius, petang kelmarin.

Alor Setar pula mencatatkan suhu maksimum 37.6 darjah

Celsius manakala Ipoh, 36.7 darjah Celsius.

Selain kawasan berkenaan, empat lagi lokasi turut mengalami cuaca panas membahang dengan suhu melebihi 36 darjah Celsius.

Lokasi berkenaan adalah Prai (36.8 darjah Celsius), Kuala Krai, Kelantan (36.2 darjah Celsius), Kuala Pilah (36 darjah Celsius) dan Petaling Jaya (36.8 darjah Celsius).

Pekebun pisang rugi tanaman layu

» Suhu panas punca pisang berangan, angka 'terlalu masak' dalam masa 10 hari

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Abu Bakar Al Sidek
 bhnews@bh.com.my

■ Bagan Datoh

Panas terik melampau menyebabkan pekebun pisang di daerah ini kerugian apabila pisang yang ditanam tidak segar seperti sepatutnya kerana tandan terkulai apabila batang menjadi lembik disebabkan tidak cukup air.

Suhu antara 30 hingga 33 darjah Celsius mengakibatkan pisang berangan dan angka yang biasanya matang dalam masa 20 hari, menjadi 'terlalu masak' hanya 10 hari hingga berlaku lambakan kerana tidak dapat dijual.

Sehubungan itu, Pengerusi Perhubungan Peladang Kawasan Bagan Datoh, Che Ros Osman menasihatkan pekebun menyiram pokok pisang sedang berbuah ba-

INFO

Suhu maksimum dari 18-24 Mac 2016

STESAN/DAERAH	18	19	20	21	22	23	24
ALOR SETAR	39.1	38.2	38.0	37.0	35.7	35.8	37.6
BATU EMBUN	38.0	36.7	37.6	37.4	37.0	37.2	37.8
CHUPING	38.9	38.4	38.6	37.7	36.9	36.3	37.7
IPOH	35.9	36.1	36.5	35.9	33.4	37.0	36.7
KUALA KRAI	35.9	34.9	36.7	36.0	35.9	37.4	35.8
LUBOK MERBAU	38.3	36.3	37.0	36.7	34.7	36.1	37.4
PRAI	36.2	36.2	37.4	36.8	34.0	35.8	37.0
TEMERLOH	37.3	36.0	37.1	36.3	36.1	35.4	37.7
KENINGAU	35.9	36.8	37.2	36.9	36.1	36.8	34.9
KUALA PILAH	35.1	34.1	34.2	34.6	31.5	33.5	36.0
PETALING JAYA	35.3	35.3	34.1	35.6	31.0	34.6	36.1

gi mengurangkan suhu panas.

Tebang pokok pisang

Pekebun dari Sungai Nipah Darat, Mohd Hanifi Asri, 22, berkata beliau mengambil keputusan menebang pokok pisang yang mengalami masalah itu di kebunnya seluas tujuh hektar kerana tidak

mahu pisang rosak jika lambat ditebang.

Peraih, Abdul Rahim Jazuli, 38, yang melangan pisang daripada 15 pekebun pula terpaksa membuat jadual jualan bagi mengelakkan kerugian.

Sementara itu, data Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi



Mohd Hanifi menunjukkan pokok pisang berangan yang mati kekeringan akibat musim panas.

[FOTO ABU BAKAR SIDEK/BH]

bagi tempoh seminggu sehingga kelmarin, menunjukkan suhu di tiga kawasan, iaitu Alor Setar, Kedah mencecah 39.1 darjah Celsius pada 18 Mac lalu; selain Batu Embun di Pahang dan Chuping, Perlis dengan suhu 38.9 darjah Celsius.

Lapan kawasan dalam peman-

taan kerana suhu melebihi 35 darjah Celsius, membabitkan Ipoh dan Lubok Merbau, Perak; Kuala Krai, Kelantan; Temerloh, Pahang; Keningau, Sabah; Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Petaling Jaya, Selangor. Purata bacaan suhu di semua tempat itu antara 34.7 hingga 38.3 darjah Celsius.